

**JABATAN PEMBANGUNAN KOPERASI MALAYSIA**

**PEKELILING KEMAJUAN PENTADBIRAN/PENGURUSAN  
KOPERASI  
BILANGAN 2 TAHUN 1993**

**PANDUAN PENGURUSAN PERAKAUNAN  
DAN KEWANGAN KOPERASI**

**Dikelilingkan Kepada:**

**Semua Koperasi Berdaftar Seluruh Malaysia**

**Pendaftar-pendaftar Koperasi Negeri**

**Pegawai-pegawai JPK**

**Tujuan**

1. **Pekeliling** ini adalah bertujuan untuk dijadikan garis panduan oleh koperasi-koperasi berdaftar diseluruh Malaysia supaya bukan sahaja dapat menguruskan buku-buku dan rekod-rekod perakaunan dengan lengkap, betul dan kemaskini serta mengendalikan kewangan dengan cekap dan berhemat (prudent) selaras dengan kehendak Akta Koperasi dan Undang-Undang Kecil Koperasi masing-masing, tetapi juga untuk menarik perhatian ahli-ahli dari Lembaga Koperasi di atas tanggungjawab dan pertanggungjawaban yang dipertingkatkan dipertingkatkan di dalam urusan koperasi mengikut kehendak-kehendak Akta Koperasi 1993 serta kaedah-kaedah pengurusan kewangan yang baik.

**Latarbelakang**

2. Panduan pengurusan perakaunan dan kewangan koperasi yang terkandung dalam Pekeliling ini adalah berasaskan peruntukan Akta Koperasi 1948 (Semakan 1983) dan juga peruntukan Akta Koperasi 1993. Akta koperasi 1948 memerlukan akaun koperasi diluluskan oleh Ketua Pendaftar sebelum boleh dibentangkan dalam mesyuarat agung. Akta Koperasi 1993 memerlukan bukan sahaja akaun koperasi tetapi juga akaun subsidiarinya, jika ada, dibentangkan dalam mesyuarat agung bersama-sama dengan pandangan Ketua Pendaftar tanpa perlu diluluskannya. Akta Koperasi 1993 juga mengandungi peruntukan baru iaitu setiap koperasi hendaklah mengadakan Jawatankuasa Audit Dalaman. Peruntukan-peruntukan Akta Koperasi 1993 jelas menunjukkan kepertanggungjawaban Lembaga terhadap pengurusan perakaunan dan kewangan koperasi yang cekap dan berkesan supaya dapat menjalankan urusniaga secara 'prudent' dan menguruskan perniagaan dengan baik, (sound business management)
3. Pada masa ini pengurusan buku-buku dan rekod perakaunan masih lagi merupakan salah satu masalah utama-utama koperasi-koperasi terutama sekali bagi koperasi-koperasi kecil. Seringkali terdapat keadaan-keadaan dimana akaun-akaun koperasi tidak diuruskan dengan lengkap, betul dan kemaskini. Kesan daripada kelemahan ini jelas sekali di mana penyata kewangan didapati sukar untuk disediakan, dan juga kerja audit mengambil masa yang lama dan kadangkala tergendala kerana maklumat-maklumat yang terdapat di buku-buku akaun tidak mencukupi. Akibatnya ialah akaun koperasi tidak dapat disediakan mengikut jadual dan kos pengauditan melambung tinggi.
4. Penyata Kewangan merupakan satu set penyata yang menunjukkan kedudukan kewangan dan pencapaian/prestasi koperasi sepanjang sesuatu tempoh lengkap, betul dan kemaskini akan memudahkan lagi koperasi merancang aktiviti-aktiviti dan projek-projek untuk masa-

masa hadapan dengan lebih tepat dan berkesan. Disamping dapat memenuhi kehendak ahli-ahli (anggota), penyata kewangan koperasi juga dapat memenuhi kehendak pihak ketiga seperti pembekal, bank, sipiutang dan lain-lain. Ringkasnya penyata kewangan adalah menjadi alat terpenting kepada pengurusanya.

#### **Faedah Pekeliling Panduan Pengurusan Akaun**

5. Panduan ini adalah diharapkan dapat mengatasi masalah pengurusan perakaunan dan kewangan koperasi supaya mencapai matlamat :-
  - (a) Terwujud di dalam koperasi sistem dan tatacara pengurusan kewangan yang teratur dan berdisiplin serta boleh dipertanggungjawabkan (accountable)
  - (b) Memudahkan penulisan buku-buku dan rekod-rekod perakaunan dan penyediaan akaun-akaun akhir untuk diaudit
  - (c) Supaya akaun akhir tahunan dan laporan-laporan yang berkaitan dalam mesyuarat agung tahunan dapat dibentangkan dengan kemas.
6. Adalah diharapkan dengan penjelasan-penjelasan yang dihuraikan dalam Pekeliling ini, akan memudahkan semua ahli-ahli koperasi memahami hal ehwal kewangan koperasi mereka serta dapat membantu mereka memahami dan meneliti pengurusan kewangan koperasi bukan sahaja betapa pentingnya pengurusan mematuhi kehendak undang-undang serta peraturan-peraturan yang mengawasi hal-ehwal kewangan koperasi tetapi juga perlunya urusan kewangan dibuat secara berhati-hati (prudent)

#### **Tarikh Gunapakai**

7. Pekeliling ini boleh digunapakai mulai dari tarikh Pekeliling dikeluarkan.

#### **OTHMAN BIN RIJAL**

Ketua Pendaftar Koperasi

Malaysia

Kuala Lumpur

5hb Mei 1993